



Submission date: 02/05/2020

Accepted date: 06/8/2020

## APLIKASI FIQH DALAM PEMBANGUNAN

### *Fiqh Applications in Development*

Nur Inani Ismail, Wan Norhaniza Wan Hasan

<sup>a</sup>Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam, Universiti Sains Malaysia

inani.usm@yahoo.com

### Abstrak

*Fiqh* merupakan ijтиhad hukum yang dikeluarkan oleh ulama-ulama untuk mengeluarkan hukum yang relevan dengan keadaan semasa. *Fiqh* pada asalnya dibincangkan untuk menyelesaikan isu peribadatan. Namun kini, perbincangan tentang *fiqh* mula digunakan dalam bidang lain termasuklah pembangunan. Untuk melihat perbincangan *fiqh* dalam pembangunan masa ini, makalah ini meneliti aplikasi *fiqh* dalam pembangunan yang dibincangkan dalam sudut kontemporari. Analisis secara kualitatif mendapati aplikasi *fiqh* dalam pembangunan telah dilakukan dalam perbincangan tentang pembangunan ekonomi, politik, tamadun dan masyarakat. *Fiqh* dilihat sebagai bidang ilmu yang sangat berpotensi untuk dikembangkan aplikasinya secara menyeluruh dalam segenap urusan manusia.

Kata kunci: *Fiqh*, *fiqh* dalam pembangunan, pembangunan, aplikasi *fiqh*.

### Abstract

*Fiqh* is a ijтиhad issued by Islamic scholars to issue relevant regulations for current circumstances. *Fiqh* was originally used to resolve the issue pertaining to worship. But currently, it has been used in other areas including the development discourse. To see the discussion of *fiqh* in the development, this paper analyse the application of *fiqh* that has been discussed in contemporary perspective. Qualitative analysis show that *fiqh* application in the development discourse were conducted in the development related metters such as economic, politics, civilizations and society. Thus, *fiqh* is seen as a knowledge

that has potential to be applied comprehensively in various human affairs beyond the boundary of time.

**Keywords:** *Fiqh*, *fiqh* in development, development, *fiqh* application.

## PENGENALAN

*Fiqh* merupakan ijtihad hukum yang bertujuan untuk menyelesaikan masalah ataupun dalam hal peribadatan. Pada masa ini *fiqh* dilihat berpotensi untuk menyelesaikan isu dan memenuhi keperluan negara. Secara umum, artikel ini bertujuan melihat *fiqh* yang boleh dilaksanakan dalam pembangunan pada masa ini. Secara lebih jelas lagi, makalah ini mempunyai dua objektif. Pertama, mengenal pasti aplikasi *fiqh* dalam pembangunan. Kedua, menganalisis *fiqh* dalam pembangunan yang telah dikenal pasti. Artikel ini dianalisis menggunakan analisis kandungan kualitatif dengan menggunakan sumber dokumen.

## FIQH

Maksud *fiqh* merupakan kefahaman ataupun memahami (Fahmi Abdul Khir, 2010). Atikullah Abdullah (2010) menyatakan, kefahaman tersebut ialah kefahaman terhadap suruhan Allah SWT yang melibatkan akidah, amalan dan juga akhlak. *Fiqh* dipelopori oleh fuqaha Islam, hukum yang dikeluarkan oleh mereka berdasarkan kefahaman yang mendalam terhadap nas-nas yang terperinci untuk menyelesaikan masalah atau memudahkan urusan dalam kehidupan manusia.

Dalil-dalil yang berasaskan nas-nas syarak merupakan akar umbi bagi *fiqh*. Akar umbi tersebut berlandaskan sumber *naqli* (wahyu) dan sumber '*aqli* (ijtihad) sebagai asas dalam pembentukannya. Menurut Atikullah Abdullah (2010), pembinaan *fiqh* tidak dibina berdasarkan faktor sentimen, kumpulan, kepentingan diri, tempat ataupun suasana.

Nasrah (2005) menyatakan, ulama bersepakat dalam Islam bahawa al-Qur'an dan sunah merupakan sumber ilmu yang utama dan akal fikiran pula merupakan alat bagi memahaminya. Sumber *fiqh* berlandaskan nas-nas yang telah diperoleh daripada sumber ilmu utama iaitu al-Qur'an dan sunah. Ia tidak diragukan dan merupakan kebenaran yang membawa kepada keyakinan (Basri

Husin, 2009). Kemudiannya, *istinbath* hukum dilakukan selepas ahli *fiqh* membuat pertimbangan di antara *maslahah* dan *mafsadah* (Syaifuddin, 2009). *Istinbath* merupakan keupayaan ahli *fiqh* dalam menggali serta mengeluarkan hukum berdasarkan sumber-sumber yang tepat. Menurut Basri Husin (2009), *istinbath* dilakukan dengan dua kaerah iaitu, kaerah *fiqh* dan usul *fiqh*. Kaerah ini walaubagaimanapun berhubungan penting dengan akal fikiran manusia. Oleh itu, penggunaan akal tidak dinafikan sebagai sumber ilmu bagi penentuan hukum berdasarkan sumber wahyu dalam syariah Islam (Basri Husin, 2009).

Penggunaan akal dalam hal ini walaubagaimanapun perlu berhubungan dengan wahyu. Menurut Omar Hasan Kasule (2009), wahyu dapat melindungi akal daripada kesalahan. Akal tidak dapat memahami sesuatu perkara dengan benar tanpa wahyu. Sebagai hasilnya, akal yang berhubungan dengan wahyu akan membentuk hukum bagi *fiqh* dengan benar.

Setelah kaerah *istinbath* hukum dilakukan, ijтиhad hukum diperoleh daripada ahli *fiqh* yang diiktiraf kefaqihannya. Ijтиhad merupakan kerahan fikiran daripada seseorang mujtahid berserta dengan kesungguhannya untuk memperoleh hukum-hukum yang berpandukan syarak, bertepatan dengan *maslahah* melalui jalan *istinbath* (Ab. Latif Muda & Rosmawati Ali @ Mat Zin, 2012).

## **FIQH DAN PEMBANGUNAN**

Salah satu contoh aplikasi *fiqh* dengan realiti masyarakat ialah melalui penentuan fatwa. Menurut Alias Azhar dan Mohammad Azam Hussain (2017), *fiqh* berperanan dalam proses fatwa. Pembangunan fatwa yang dimaksudkan diaplikasikan melalui *fiqh maqāṣid* dan *fiqh* saintifik. Kedua-dua *fiqh* tersebut diperlukan untuk pembangunan fatwa kontemporari bagi menyelesaikan isu semasa. Hal ini diaplikasikan dengan kaerah penyelidikan hukum berdasarkan *maqāṣid al-Syari‘at* yang bercirikan saintifik dengan kaerah-kaerah *fiqh* seperti *istinbath* hukum (Alias Azhar & Mohammad Azam Hussain, 2017).

Pembangunan daripada perspektif Islam melibatkan pembangunan dari sudut fizikal, rohani dan juga moral. Untuk mencapai pembangunan yang berkonsepkan tauhid iaitu yang berlandaskan al-Qur'an dan hadith, maka pembangunan perlu kembali kepada *fiqh* Islam (Nor Sahida Mohamad & Sanep Ahmad, 2013). Pembangunan seperti ini boleh didefinisikan sebagai Pembangunan berteraskan Islam (PBI).

Nor Sahida Mohamad dan Sanep Ahmad (2013) menyatakan, falsafah PbI berasaskan kefahaman terhadap syariat Allah SWT dalam melakukan aktiviti kehidupan. Khurshid Ahmad (1994) serta Nor Sahida Mohamad dan Sanep Ahmad (2013) menyatakan falsafah PbI berteraskan dasar, prinsip, pendekatan, ciri bagi pembangunan yang berteraskan al-Qur'an dan hadith. Dengan lebih jelas, Khurshid Ahmad (1994) menjelaskan, falsafah PbI tersebut merupakan tauhid, khalifah, *rububiyyah*, *tazkiyah* juga ada satu elemen lagi yang ditambah oleh Nor Sahida Mohamad & Sanep Ahmad (2013) iaitu keadilan.

Muhammad Syukri Salleh (1993) menyatakan falsafah PbI memerlukan pembentukan definisi, tujuan serta gerak kerja yang berteraskan Islam dalam memenuhi tuntutan manusia sebagai khalifah yang menjadi hamba kepada Allah SWT dan bukan hamba kepada kebendaan mahupun ekonomi. Oleh itu, Muhammad Syukri Salleh (2014) menjelaskan bahawa pembentukan PbI perlu bertunjangkan epistemologi dan tasawur Islam.

Daripada penjelasan sebelumnya, *fiqh* merupakan kefahaman terhadap syariat Allah SWT yang melibatkan akidah, amalan dan akhlak. *Fiqh* yang dimaksudkan ini menurut Nor Sahida Mohamad dan Sanep Ahmad (2013) perlu diterapkan dalam pembangunan untuk melahirkan pembangunan yang bukan sahaja melibatkan pembangunan dari sudut fizikal, malah melibatkan rohani dan juga moral. Pada masa ini, *fiqh* telah dibincangkan oleh penyelidik Islam dalam pembangunan yang menjurus kepada pembangunan berteraskan Islam. Perbincangan mereka melibatkan *fiqh* untuk pembangunan ekonomi, sosial dan politik, secara khususnya dan pembangunan masyarakat dan tamadun Islam secara amnya untuk kelestarian pembangunan berasaskan *fiqh*.

Berhubung dengan *fiqh* dalam pembinaan dan pembangunan tamadun, Rahimin Affandi Abd. Rahim et al. (2009) mengkaji konsep *fiqh* semasa dalam pembinaan tamadun Islam khususnya di Malaysia. Konsep *fiqh* semasa yang dikaji mereka merupakan petunjuk untuk membangunkan tamadun Islam berasaskan realiti pada masa ini serta membangunkan tamadun dengan elemen spiritual yang melibatkan idea, formula, paradigma dan pemikiran. *Fiqh* semasa yang dimaksudkan merupakan kefahaman untuk perkembangan ilmu sehingga menghasilkan budaya ilmu yang berkembang maju contohnya

peranan kaedah penyelidikan dalam pembentukan tamadun dunia seperti yang dilakukan oleh Ibn Khaldun yang menjadi pelopor dalam bidang sosiologi serta sejarah dan Ibn Rushd yang membawa paradigma saintifik bagi ilmu sains dan teknologi moden (Rahimin Affandi Abd. Rahim et al, 2009).

Nizaita Omar dan Zulkifly Muda (2014), Shukeri Muhammad (2009), Ahmad Badri Abdullah, Paizah Ismail dan Mohd Anuar Ramli (t.t) pula mengkaji aspek yang lebih kecil daripada pembinaan dan pembangunan tamadun seperti yang telah dibincangkan oleh Rahimin Affandi Abd. Rahim et al. (2009). Keenam-enam pengkaji ini menyelidik *fiqh* dalam pembangunan masyarakat, masing-masing mempunyai fokus yang berlainan. Nizaita Omar dan Zulkifly Muda (2014) lebih berfokus kepada pengaplikasian kaedah *fiqh* dalam memperkasakan perpaduan bangsa. Shukeri Muhammad (2009) dan Ahmad Badri Abdullah et al. (t.t) pula memfokuskan kajian dalam konteks pembentukan masyarakat majmuk. Walaupun mempunyai persamaan dalam fokus kajian berkenaan masyarakat majmuk, Shukeri Muhammad (2009) membuat kajian pembentukan gagasan *fiqh* masyarakat majmuk dengan menumpukan *siyāsah syar'iyyah* manakala Ahmad Badri Abdullah et al. (t.t) mengkaji pengaplikasian kaedah *fiqh* dalam isu penyerupaan dengan orang bukan Islam.

Setelah diteliti, Rahimin Abd. Rahim et al. (2009), Nizaita Omar dan Zulkifly Muda (2014), Shukeri Muhammad (2009) dan Ahmad Badri Abdullah et al. (t.t) melakukan kajian berdasarkan konteks masyarakat di Malaysia. Kajian yang lebih kurang sama dengan Ahmad Badri Abdullah et al. (t.t) juga dilakukan oleh Mohd. Hapiz Mahaiyadin dan Rosaimizam Suhaimi (2011). Mereka membuat kajian berkenaan kepemimpinan orang bukan Islam dalam kerajaan Islam menurut perspektif *fiqh*. Kajian ini bertujuan untuk penambahbaikan dalam pembangunan politik di Malaysia bergantung kepada keperluan dan keadaan semasa. Hal ini kerana polisi berubah-berubah mengikut keadaan semasa. Pandangan fuqaha Islam diteliti dalam kajian mereka. Kajian ini juga turut memaparkan penyertaan rakyat bukan Islam dalam pentadbiran negara semasa zaman kerajaan Islam Umayyah, Abbasiyyah dan Uthmaniyyah.

Shukeri Muhammad (2009) membincangkan kaedah *fiqh siyāsah syar'iyyah* untuk diaplikasikan bagi membangunkan sistem politik Islam dalam negara. *Siyāsah syar'iyyah* berkONSEPAN KEPENTINGAN RAKYAT DIDAHULUKAN DALAM SEGALA

urusan pentadbiran negara. Matlamatnya membentuk kepimpinan yang baik dan menghasilkan rakyat yang sejahtera (Shukeri Muhammad, 2009). Kaedah ini secara keseluruhannya melibatkan kaedah pentadbiran negara yang meliputi polisi, perancangan, strategi, pendekatan, tindakan dan semua yang melibatkan pentadbiran dalam kerajaan supaya selari dengan syariat Allah SWT (Shukeri Muhammad, 2009). *Fiqh* ini juga sebenarnya berkait rapat dengan kepimpinan orang Islam dalam negara bukan Islam.

Berkait rapat dengan pembangunan politik dalam negara juga, Zaidan (1993) mencadangkan *fiqh taqyid mubah* (kesepakatan penggubalan perundangan oleh pihak pemerintah setelah maslahah umum dan individu disepakati secara bersama) untuk diaplikasikan (dipetik daripada Nizaita Omar & Zulkifly Muda, 2014). Kaedah ini berkait rapat dengan kaedah *fiqh* dan usul *fiqh* seperti *istihsan*, *siyasaḥ syar'iayah*, *tasarruf al imam manut bi al maslahah* dan *sadd al zara'ie* (Nizaita Omar & Zulkifly Muda, 2014).

*Fiqh* dalam pembangunan ekonomi juga turut dikaji oleh penyelidik-penyelidik. Muhammad Yusry Affandy Md Isa (t.t), membincangkan perspektif *fiqh* dari sudut penghayatan *fiqh* zakat dalam pembangunan ummah. Kajiannya dilakukan menurut perspektif Hamka dengan menggunakan tafsir al-Azhar yang lebih dekat dengan masyarakat pada zaman ini. Naemah Hamzah et al. (2013) dan Siti Aisyah Zakaria et al. (2015) pula membincangkan *fiqh* dalam pembangunan ekonomi yang melibatkan aspek penggunaan tenaga. Walaupun kajian Naemah Hamzah et al. (2013) fokusnya kepada *fiqh* sains rumah tangga dan kerjaya yang mengkhususkan wanita dalam sektor awam di Malaysia, namun ia melibatkan perbincangan *fiqh* berkenaan pembangunan ekonomi negara. Penggunaan tenaga daripada wanita merupakan sumbangan penting dalam pembangunan ekonomi negara dan perbincangan *fiqh* ini merupakan suatu panduan kepada wanita yang berkerjaya dan institusi yang melibatkan wanita dalam institusi mereka.

Kajian berkenaan penggunaan tenaga yang berkait rapat dengan pembangunan ekonomi di Malaysia juga turut dilakukan oleh Siti Aisyah Zakaria et al. (2015). Perbincangan kajian berkaitan dengan sebuah syarikat makanan di Malaysia, McDonald. Ketika berlakunya perang di negara-negara Islam, McDonald dikatakan mempunyai keterlibatan dalam memerangi umat Islam dan hal ini dilihat perlunya kajian untuk pelaksanaan hukumnya dan menilai

kesan kepada pekerja dan pengangguran di Malaysia. Kajian ini dinilai dari sudut *fiqh* yang membuat penilaian bagi meneliti hukum pengaplikasianya di Malaysia. Kajian berkenaan *fiqh* dalam pembangunan ekonomi ini ada juga dilakukan kajiannya secara umum seperti yang dilakukan oleh Salihu dan Odukoya (2011). Mereka mengkaji peranan ulama Islam dari sudut pendekatan *fiqh* kepada sistem ekonomi Islam seperti perbankan Islam, takaful Islam dan pasaran modal Islam.

Selain itu, Nizaita Omar dan Zulkifly Muda (2014) mengemukakan pengaplikasian *fiqh awlāwiyyāt* (keutamaan) dalam konteks pembangunan masyarakat. Menurutnya, *fiqh* keutamaan boleh digunakan untuk memupuk perpaduan masyarakat iaitu menyelesaikan perpecahan, persengketaan dan permusuhan dalam kalangan masyarakat dalam negara dan juga masyarakat dunia (Nizaita Omar & Zulkifly Muda, 2014).

Secara keseluruhannya, *fiqh* yang telah dibincangkan sebenarnya menjurus kepada konsep *fiqh* lestari. *Fiqh* lestari merupakan *fiqh* yang difahami dan diamalkan dengan tidak bercanggah dengan syariat Islam namun sesuai digunakan dalam kehidupan masyarakat sepanjang zaman (Atikullah Abdullah, 2009). Menurut Atikullah (2009), segala urusan pembangunan berpaksikan kepada *fiqh* seperti *fiqh* ekonomi, *fiqh* politik dan *fiqh* yang lain juga akhirnya membawa kepada pembangunan lestari. Oleh itu, *fiqh* dalam pembangunan perlu diaplikasikan untuk pembangunan fizikal dan rohani yang berpandukan syariat Allah SWT secara lestari.

## **APLIKASI FIQH DALAM PEMBANGUNAN**

Menurut Abd Moqsith (2007), terdapat beberapa pandangan yang melihat *fiqh* Islam sebagai satu pandangan yang negatif. Negatif yang dimaksudkan merupakan berat sebelah terhadap golongan wanita dan orang bukan Islam, terikat dengan pemikiran Islam silam yang berasal dari Timur Tengah, tidak sesuai pada masa ini kerana tidak mengikut arus kemodenan (dipetik daripada Rahimin Affandi Abd. Rahim et al., 2010).

Pandangan ini mengenepikan pembangunan tamadun yang pada masa ini berasaskan pembangunan tamadun pada masa silam (Rahimin Affandi Abd Rahim et al., 2009). Pandangan ini juga menurutnya mengetepikan idea, paradigma dan pemikiran silam yang bersifat spiritual. Hal ini boleh dikaitkan dengan pemikiran ulama berkenaan dengan *fiqh* Islam. Pandangan yang

menyatakan bahawa *fiqh* tidak sesuai dengan perkara-perkara tersebut boleh disangkal dengan aplikasi *fiqh* yang telah dibincangkan dalam bahagian *fiqh* dan pembangunan.

Antaranya, *fiqh* sains rumah tangga membincangkan berkenaan pemeriksaan wanita. Aplikasi *siyāsah syar'iyyah* pula menunjukkan aplikasi *fiqh* terhadap orang bukan Islam. *Fiqh* saintifik dan *fiqh* semasa menunjukkan aplikasi *fiqh* yang tidak menidakkannya dunia moden. Implikasi untuk semua *fiqh* tersebut termasuklah *fiqh* zakat, *fiqh* keutamaan, kaedah-kaedah *fiqh* bahkan memberi implikasi kepada pembangunan pada masa ini jika diaplikasikan dengan baik untuk pembangunan negara.

Jadual 2 menunjukkan aplikasi *fiqh* yang telah dibincangkan dalam tajuk *fiqh* dan pembangunan. Aplikasi *fiqh* dalam pembangunan boleh memberikan implikasi yang besar dalam pembangunan. Implikasi terbesar bagi aplikasi *fiqh* dalam pembangunan ialah kelestarian pembangunan Islam.

## Jadual 2: Senarai *fiqh* terhadap aplikasi dan implikasi

<b><i>Fiqh</i></b>	<b>Aplikasi</b>	<b>Implikasi</b>
<i>Fiqh zakat</i>	Kefahaman terhadap zakat oleh orang kaya dan orang miskin	Pembangunan ummah dari sudut ekonomi
<i>Fiqh</i> dalam sistem ekonomi Islam	Sistem perbankan Islam, takaful Islam, pasaran modal Islam	Pembangunan ekonomi
<i>Fiqh</i> sains rumah tangga	Panduan kepada wanita bekerja untuk menjadi wanita cemerlang dalam kerjaya dan rumah tangga	Pembangunan institusi keluarga
<i>Fiqh maqāṣid</i> dan <i>fiqh</i> saintifik	Kaedah penyelidikan hukum berdasarkan maqasid syariah dan bercirikan saintifik	Pembangunan fatwa
<i>Fiqh</i> keutamaan	Menyelesaikan perpecahan, persengketaan dan permusuhan dalam kalangan masyarakat	Pembangunan masyarakat
<i>Fiqh</i> semasa	Pembangunan ilmu <i>fiqh</i> dalam institusi pendidikan Islam  Pembangunan penyelidikan hukum Islam berdasarkan konsep <i>fiqh</i> semasa berdasarkan konsep <i>fiqh</i> semasa dalam kalangan ahli akademik dan pelajar pascasiswazah.	Pembangunan tamadun moden Islam yang menghapuskan dominasi taklid dalam pengajian Islam di Malaysia.  Membetulkan kritikan terhadap <i>fiqh</i> Islam
<i>Fiqh siyāsah syar‘iyah</i>	Kepemimpinan orang bukan Islam dalam negara	Pembangunan politik Islam
<i>Fiqh taqyīd mubāḥ</i>	Kesepakatan penggubalan perundangan oleh pihak pemerintah setelah maslahah umum dan individu disepakati secara bersama	Pembangunan politik Islam
<i>Fiqh</i> lestari	<i>Fiqh</i> politik + <i>fiqh</i> ekonomi + <i>fiqh</i> persekitaran dan <i>fiqh-fiqh</i> lain	Pembangunan lestari Islam

**Sumber:** Alias Azhar dan Mohammad Azam Hussain (2017), Nizaita Omar dan Zulkifly Muda (2014), Naemah Hamzah et al. (2013), Salihu dan Odukoya (2011), Shukeri Muhammad (2009), Atikullah Abdullah (2009), Rahimin Affandi Abd Rahim et al., (2010; 2009) dan Hamka (1982).

Aplikasi bagi *fiqh* politik seperti *siyāsah syar'iyyah* amat penting dalam pembangunan politik untuk mengembalikan kembali sistem politik Islam yang telah tenggelam suatu masa dahulu dengan penguasaan Barat (Shukeri Muhammad, 2009). *Siyāsah syar'iyyah* penting kepada negara yang memiliki masyarakat majmuk atapun yang berbilang kaum. Contoh aplikasi bagi *fiqh* ini telah dilakukan dalam kepimpinan Kerajaan Kelantan yang memperkenalkan konsep Membangun Bersama Islam sejak tahun 1990 (Shukeri Muhammad, 2009). *Siyāsah syar'iyyah* yang dijalankan telah diterima baik oleh masyarakat Islam dan bukan Islam dalam pemerintahan mereka kerana layanan yang baik dan adil. Aplikasi *fiqh* zakat pula sangat besar impaknya pada ekonomi umat Islam. Sebagai contoh, pemimpin komuniti di Ban Nua telah memperkenalkan *fiqh* zakat kepada komuniti tersebut yang melibatkan pemahaman zakat kepada yang berkemampuan dan juga tidak berkemampuan. Implikasinya, komuniti ini mampu berdiri sendiri (Wafdi Auni, 2013).

Selain itu, implikasi *fiqh maqāṣid* dan *fiqh* saintifik mempunyai peranan yang penting untuk pembangunan fatwa pada masa ini. Contohnya, di Malaysia hukum syarak dibentuk dalam dua keadaan. Pertama, dalam bentuk fatwa dan kedua dalam bentuk enakmen syarak yang bertulis. Daripada hal ini, peranan fatwa sangat besar bagi negara seperti di Malaysia. Oleh itu, dengan perubahan globalisasi yang menuju ke arah pembangunan sains dan teknologi yang pesat, *fiqh* seperti ini dapat menyelesaikan masalah hukum semasa yang berkait dengan perkara tersebut dan memberi impak yang besar jika fatwa yang dikeluarkan berasaskan *fiqh* tersebut bagi negara seperti Malaysia (Alias Azhar & Mohammad Azam Hussain, 2017).

## RUMUSAN

Aplikasi *fiqh* dalam pembangunan yang dibincangkan ini memberikan implikasi yang sangat besar dalam pembangunan berteraskan Islam. Kelestarian bagi pembangunan itu sendiri berhubung dengan *fiqh* yang telah dibincangkan. *Fiqh* sebenarnya tidak boleh berpisah dengan pembangunan kerana *fiqh* merupakan cabang-cabang syariat Islam yang seiring dengan perubahan masa, walaupun begitu ia masih kekal berpandukan al-Qur'an dan hadith. Untuk mencapai pembangunan yang bermatlamatkan keredaan Allah SWT, *fiqh* perlu menjadi salah satu agenda penting dalam pembangunan terutamanya dalam pembangunan ekonomi dan politik.

Makalah ini telah membincangkan tentang aplikasi *fiqh* dalam pembangunan. Didapati bahawa aplikasi *fiqh* dalam pembangunan telah diaplikasikan dalam pembangunan ekonomi, politik, tamadun dan kemasyarakatan. Hasil dapatan memberikan implikasi bahawa *fiqh* tidak boleh berpisah dengan pembangunan untuk menghasilkan pembangunan yang selari dengan syariat Islam. Pengaplikasian *fiqh* dilihat berpotensi untuk pembangunan ekonomi, politik, tamadun dan masyarakat secara khususnya agar ilmu *fiqh* ini tidak hanya terhad dalam perbincangan dan urusan peribadatan masyarakat Muslim sahaja, sebaliknya direalisasikan dalam bentuk pembangunan negara.

## PENGHARGAAN

Kertas kerja ini merupakan sebahagian daripada hasil kajian bawah pembiayaan Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS/1/2017/SSI10/USM/02/1; ID:188290-207709) seliaan Universiti Sains Malaysia C203.CISDEV.6711595.

## RUJUKAN

- Alias Azhar & Mohammad Azam Hussain. (2017). Pembangunan penyelidikan fatwa kontemporari dalam menghadapi cabaran globalisasi: satu pendekatan. *Journal of Islamic, social, economics and development*, 2(3), 9-20.
- Atikullah Abdullah. (2010). Konsep dan ciri-ciri *fiqh* lestari : ke arah mengarusperdanakan *fiqh* dalam kehidupan masyarakat. *Jurnal Syariah*, 18(3), 507–526. Diakses dari <https://www.academia.edu>.
- Muhammad Yusry Affandy Md Isa. (2015). Penghayatan *fiqh* zakat dalam membangunkan ummah menurut perspektif Hamka. Diakses daripada <http://conference.kuis.edu.my>.
- Mohd Hapiz Mahaiyadin & Roshaimizam Suhaimi. (2011). Kepemimpinan orang bukan Islam dalam kerajaan Islam menurut perspektif fiqh. *Esteem academic journal*, 7(2), 53-79.
- Naemah Hamzah, Mohd Ismail Mustari dan Bushrah Basiron. (2013). *Fiqh* sains rumah tangga dan kerja wanita cemerlang dalam sektor awam di Malaysia. Prosiding seminar pasca siswazah fakulti tamadun islam kali kedua. 18-19 Disember, 106-124. Diakses daripada <http://eprints.utm.my>.
- Nizaita Omar & Zulkifly Muda. (2014). Pengaplikasian kaedah *fiqh* dalam memperkasakan perpaduan bangsa. *MANU*, 20, 53-80.

- Rahimin Affandi Abd. Rahim, Paizah Ismail, Shamsiah Mohamad, & Nor Hayati Md Dahlal. (2009). Konsep *fiqh* semasa dalam pembinaan tamadun Islam Malaysia: analisis kritikal. *Jurnal Fiqh*, 6(6), 41–66. Diakses daripada <http://repository.um.edu.my>.
- Rahimin Affandi Abd. Rahim, Shamsiah Mohamad, Paizah Ismail dan Nor Hayati Mohd Dahlal. (2010). Konsep fiqah Malaysia dalam perundangan Islam: satu pengenalan. *KajianMalaysia*, 28(2).
- Salihu & Odukoya. (2011). The approach of *fiqh* to Islamic economic system: the role of muslim scholars. *Kuwait Chapter of Arabian Journal of Busines and Managemenr Review*, 1(3), 1-10.
- Shukeri Muhammad. (2009). Siyasah syar'iyyah dalam membentuk gagasan *fiqh* masyarakat majmuk. Symposium fiqh masyarakat bukan Islam dalam negara islam. 23-24 Disember.
- Siti Aisyah Zakaria, Sanep Ahmad & Hairunnizam Wahid. (2015). Boikot mcdonald: hukum perlaksanaannya di malaysia dan kesan terhadap guna tenaga. Dlm. *Eprosiding Seminar Fiqh Semasa (SeFis)* (hal. 978–967) Diakses daripada <http://www.ukm.my>.
- Yusuf al-Qaradawiy. (2009). *Fiqh keutamaan: Keutamaan tugas-tugas kaum muslimin (satu kajian baru dari perspektif al-Qur'an dan al-Sunah)*. (AhmadNuryadi Asmawi, Trans.). Batu Caves, Selangor: Thinkers's Library Sdn. Bhd.
- Yusuf al-Qaradawiy. (2013). *Fiqh keutamaan: Memahami peringkat amal melalui al Qur'an dan as-sunnah*. (Abu Amal Ghafar, Trans.). Johor Baru, Johor: Perniagaan Jahabersa.